

Gerun lanun mata satu

Anak kapal Melati 2 cerita detik cemas ditawan

PELABUHAN KLANG: "Lanun terbabit persis watak popular 'One Eye Jack' dalam pelbagai cerita berkaitan lanun sama ada dongeng, dibukukan atau difilemkan.

"Kami terkejut kerana tidak menyangka ada di kalangan lanun yang menawan kami bermata satu dan walaupun tubuhnya kecil serta kurus, dia tetap sangat garang lebih-lebih lagi dengan raifal AK-47 yang tidak pernah lekap dari tangan," kata Mohd Faizal Mohd Din, 27, di sini, semalam.

Mohd Faizal yang berpangkat Pegawai Kedua di kapal MT Bunga Melati 2 menceritakan pengalamannya serta rakan lain yang ditawan lanun di Teluk Aden, perairan Somalia, dari 19 Ogos hingga 27 September lalu ketika ditemui di Majlis Hari Terbuka Jabatan Laut di sini.

Menurutnya, lebih mengerikan, One Eye Jack terbabit tidak memakai penutup mata sebaliknya membiarkan bahagian itu lopong.

"Kami boleh melihat bahagian dalam lubang mata berkenaan dan ia cukup mengerikan lebih-lebih lagi dengan keadaan One Eye Jack yang tidak terurus selain bersenjata.

"Bagaimanapun, kami terpaksa berbuat baik dengannya serta lanun lain bagi memastikan tidak dimengapakan serta mendapat banyak perkara yang kami mahukan seperti makanan," katanya.

One Eye Jack adalah antara lanun yang terlebih dulu melarikan diri kerana mungkin bimbang keselamatan diri selepas wang tebusan untuk membebaskan Bunga Melati 2 serta 39 kruinya diterima mereka.

Mohd Faizal turut menceritakan ada di kalangan lanun terbabit berperangai agak baik dan selebihnya ganas serta suka melepaskan tembakan rambang ke



MESRA...Ketua Pengarah Jabatan Laut, Kapten Datuk Ahmad Othman (dua dari kanan) bersama (dari kiri) Pegawai Kedua Melati 2, Mohd Faizal Mohd Din, Ketua Pegawai Melati 2, Mohd Azri Rahamat dan Kapten Melati 5, M Maheswaran.

udara.

"Ada yang agak baik dengan meminta kami mengajarnya bagaimana untuk menggunakan telefon bimbit dan pelbagai lagi.

"Bagaimanapun, ada yang ganas dan gemar melepaskan tembakan rambang selain mengacukan senjata ke arah kami jika rasa tidak puas hati dengan sesuatu perkara," katanya.

Kumpulan lanun terbabit pula berpakaian selekeh dengan seluar pendek dan baju lusuh selain fizikal yang kecil serta kurus.

Katanya, yang paling muda mungkin berusia 17 tahun dan paling berusia adalah 40 tahun. Pada masa sama, lanun terbabit juga gemar mengambil barangan peribadi atau stok makanan untuk dibawa pergi ke kapal lain yang dirampas.

"Ada antara lanun terbabit berulang dari Bunga Melati 2 ke kapal Korea dikenali sebagai Bright Ruby dengan membawa pelbagai barangan seperti makanan dan barangan peribadi.

"Bagaimanapun, kami ber-

syukur kerana akhirnya penderitaan serta ketakutan itu berakhir dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas usaha dijalankan," katanya.

Pada 19 Ogos lalu, kapal milik Malaysian International Shipping Corporation (MISC), MT Bunga Melati 2 dengan 39 kru dirampas lanun di Teluk Aden, berhampiran perairan Somalia dan sepuluh hari kemudian, MT Bunga Melati 5 dengan 36 kru turut dirampas di perairan sama.

Syor guna khidmat syarikat keselamatan profesional

PELABUHAN KLANG: Pemilik kapal di negara ini bercadang mendapatkan khidmat syarikat keselamatan profesional bagi melindungi kapal dagang mereka ketika melalui Teluk Aden daripada ancaman lanun.

Dengan iringan keselamatan itu diharapkan lanun tidak berani mencuba menjadikan kapal dagang negara serta kruinya sebagai sasaran rampasan bagi mendapatkan wang tebusan dan sebagainya.

Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (Masa), Kapten Intiaz Hussein, berkata cadangan itu dibuat selepas dua kapal da-

gang Malaysia, MT Bunga Melati 2 dan 5 bersama 75 kru ditawan lanun di perairan terbabit.

"Bagaimanapun, ia satu cadangan dan masih terlalu awal untuk pemilik kapal mengambil inisiatif berkenaan kerana ia bakal membabitkan beberapa faktor termasuk peningkatan kos dan langkah yang diambil itu pula hanya bersifat sementara.

"Cadangan itu timbul selepas rampasan dua kapal berkenaan menyebabkan pemilik kapal di negara ini berkongsi maklumat mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah atau ancaman ter-

babit," katanya di Majlis Hari Terbuka Jabatan Laut di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Laut, Kapten Datuk Ahmad Othman serta beberapa kru kapal bunga Melati 2 dan 5.

Menurut Intiaz, bagi mengambil langkah berjaga-jaga berkaitan ancaman lanun, Masa turut meminta bantuan MISC untuk bertukar pengalaman bagi dijadikan panduan.

Sementara itu, Ahmad memaklumkan Jabatan Laut tidak terbabit dalam operasi itu, tetapi menyalurkan isyarat kecemasan diterima daripada kapal dirampas lanun

kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Isu kegiatan pelanunan sudah lama dibincangkan hingga ke peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMC) juga sudah mengeluarkan pekeliling menasihatkan anak kapal supaya mengambil langkah berjaga-jaga jika melalui perairan tertentu.

"Bagaimanapun, jika kapal ditawan lanun, kruinya digalakkan supaya tidak melawan kerana kapal dagang tidak membawa senjata api. Jika melawan, mungkin berlaku kejadian tidak diingini," katanya.